

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 OKTOBER 2013 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Phailin tak ancam Malaysia	Berita Harian
2.	Husband and wife team create history	New Sunday Times

# Phailin tak ancam Malaysia

» Taufan landa timur laut India tidak jejas cuaca, perairan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**A**ncaman taufan Phailin yang menyebabkan lebih 600,000 penduduk pantai timur India, dipindahkan, tidak akan menjejaskan cuaca serta perairan Malaysia.

Phailin yang dijangka melanda India hari ini, diramal mengulangi keadaan selepas Taufan Katrina membadai Amerika Syarikat pada 2005.

**Jabatan Meteor-**

**ologi Malaysia** melaporkan kelajuan angin berhampiran pusat taufan Phailin kira-kira 240 kilometer(km) sejam akan melanda persisiran pantai Odisha, Timur Laut, India, pada awal pagi ini.

Timbalan Pengarahnya, Alui Bahari, berkata kelajuan taufan Phailin dijangka menurun apabila ia beralih dari laut ke daratan, sebelum lenyap dalam tempoh 24 jam.

Bagaimanapun, ribut tropika yang wujud kesan daripada taufan Phailin akan menye-

## FAKTA NOMBOR

**600,000**  
orang

penduduk pantai timur India dipindahkan

## Nelayan tak perlu bimbang

“Taufan Phailin tidak akan menjejaskan cuaca dan keadaan perairan kita. Justeru, nelayan negara ini tidak perlu bimbang,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Alui berkata, apabila bergerak melalui daratan ke arah Barat Daya, kekuatan Phailin akan berkurangan kerana tiada wap air sebagai bahan utama.

Sementara itu, pihak berkuasa India mengesahkan ti-

ada rakyat Malaysia berada di Odisha, selatan India, ketika kawasan itu dilanda Taufan Phailin petang semalam, kira-kira jam 5 petang waktu tempatan

ada rakyat Malaysia berada di Odisha, selatan India, ketika kawasan itu dilanda Taufan Phailin petang semalam, kira-kira jam 5 petang waktu tempatan

Ketika dihubungi, Konsul Jeneral Malaysia di Chennai, Chitra Dewi, berkata 3,900 pelepas Malaysia serta 60 pekerja yang berdaftar dengan pejabatnya dilaporkan berada dalam keadaan selamat.

“Kita tiada maklumat berhubung lebih 200 rakyat Malaysia yang menetap di selatan dan utara India, sejak mereka berkahwin dengan rakyat tempatan kerana masing-masing tidak menghubungi pejabat ini.

“Berdasarkan perkembangan terkini yang diberikan pihak berkuasa di Bhubaneswar, petang semalam, tiga penduduk tempatan disahkan

terbunuh akibat ribut itu dan jumlah mungkin meningkat selepas pemeriksaan menyeluruh,” katanya.

## Laut India dikawal tentera

Katanya, sehingga kini seluruh kawasan pantai di persempadanan utara dan selatan India, dikawal rapi oleh tentera bagi mengelakkan sebarang kemalangan jiwa.

Malah, semua penerbangan, perkhidmatan kereta api dan bas ke Odisha dan Bhubaneswar, dihentikan buat sementara waktu sehingga keadaan kembali selamat.

Chitra memberitahu, rakyat Malaysia yang ingin mendapatkan perkembangan lanjut berhubung kejadian berkenaan boleh menghubungi pejabatnya menerusi talian, +914424334434.



Ombak besar melanda pelabuhan di daerah Visakhapatnam, selatan India, semalam. (FOTO REUTERS)

## Husband and wife team create history



Groom Mohd Ismanizam Ismail casting his vote for Umno Youth elections in Tangga Batu as his new wife, Ummi Nornabila Abd Rahim, looks on. With them is Tangga Batu member of parliament Associate Professor Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

**A HUSBAND** and wife team made history of sorts, winning divisional Youth and Puteri chief posts here, albeit in different divisions.

Rohazam Bakar was voted in as Bukit Katil Youth chief while his wife Aznida Ahmad Khuzari became Alor Gajah Puteri chief.

But it was another couple who created a bigger stir when they arrived to cast their votes at the Tangga Batu divisional wing elections.

It was the couple's wedding day, but nothing would stop them from filling up their ballot papers. The groom turned up in blue baju melayu with golden coloured tengkolok and sampin, as well as a keris, while the bride was resplendent in a beige and blue baju kurung.

Mohd Ismanizam Ismail, 29, said

he held the Umno election and his wedding day as equally important.

"Both wedding and Umno are very important parts of my life and I will not brush aside either of the events," he said, as new wife Ummi Nornabila Abd Rahim smiled charmingly beside him.

The Sungai Udang branch chief is a candidate for the Tangga Batu Youth executive council.

The wing elections in Malacca, generally, went smoothly apart from several technical glitches involving ballot papers.

At press time, Datuk Latifah Omar was elected Masjid Tanah Wanita chief, with Jamaliah Abu as deputy.

The top two Puteri posts in the division, meanwhile, went to Siti Kalthom Ahmad and Siti Nurulaina Abdullah, respectively.